

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-13 (2016)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH [PUTATAN]**

SOALAN :

YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan dengan keputusan kabinet bagi menggugurkan penggunaan istilah lain-lain untuk merujuk kepada Bumiputera bukan Islam di Sarawak, bilakah penggunaan istilah tersebut di negeri Sabah akan digugurkan.

JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan penggunaan istilah "lain-lain" bagi klasifikasi kaum dalam borang-borang rasmi Kerajaan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menetapkan klasifikasi kaum dalam borang-borang rasmi Kerajaan adalah "Melayu", "Cina", "India", "Dayak" dan "Kaum:(Sila nyatakan)".

Melalui keputusan Kerajaan ini, semua kaum kini boleh menyatakan secara spesifik nama kaum masing-masing diruangan “Kaum:(Sila nyatakan)”.

Arahan pelaksanaan keputusan Kerajaan ini juga telah dikeluarkan kepada agensi Sektor Awam oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada 27 April 2016 yang lalu.

Sekian, terima kasih.